

05 SEP 2001

Bendera-Koyak

BENDERA JALUR GEMILANG TERBESAR DI MALAYSIA KOYAK LAGI

IPOH, 5 Sept (Bernama) -- Bendera Jalur Gemilang terbesar di Malaysia, yang juga dipercayai yang terbesar di dunia terkoyak selebar kira-kira 10 meter ketika dibentangkan di permukaan padang Ipoh hari ini.

Tinjauan Bernama di padang berkenaan mendapati Bendera Jalur Gemilang itu koyak buat kali kedua hari ini selepas terkoyak ketika dipasang sehari sebelum Hari Merdeka pada 31 Ogos lalu.

Bagaimanapun bendera itu kemudian dijahit semula dalam tempoh beberapa hari sebelum di bentangkan pada hari ini dengan bantuan lebih 600 petugas sukarela di samping pelajar sekolah dan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Ipoh.

Bendera itu terkoyak ketika kerja-kerja pemasangan di atas perancah besi pagi ini.

Bendera Jalur Gemilang yang di buat dengan harga RM65,000 berukuran 108 meter lebar dan 159 meter panjang dengan berat hampir tiga tan itu telah disaksikan oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menghadiri perhimpunan Patriotik Pemimpin Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan 2001 di sini pada 25 Ogos lepas.

Perdana Menteri kemudiannya menandatangani Malaysia Book of Records bagi pembuatan bendera Jalur Gemilang terbesar di Malaysia itu, yang dipercayai terbesar di dunia.

Bendera itu dihasilkan oleh para pelajar, guru dan ibu bapa Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Ampang (SMKSA), Ipoh.

Rekod dunia bagi bendera terbesar sekarang ialah 77m x 154m.

-- BERNAMA

PBA PR